**NO SOALAN : 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **:** | **TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM** |
| **TARIKH** | **:** | **13 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)** |

**SOALAN NO. 9**

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan cadangan menaik taraf Sungai Buloh, Sungai Siput (U) di bawah projek tebatan banjir bagi menyelesaikan masalah banjir di kawasan tersebut.

**NO SOALAN : 9**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meluluskan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Perak Fasa 1 untuk dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Air (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam RMKe-11 dengan siling kos projek sebanyak RM250 juta.

Cadangan menaik taraf Sungai Buloh dan Sungai Siput (U) akan dilaksanakan di bawah projek ini iaitu dalam komponen Saliran Mesra Alam, Projek Saliran Mesra Alam serta Kerja-Kerja Berkaitan, Daerah Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan. Projek ini kini dalam peringkat proses pengambilan balik tanah.

Sekian, terima kasih.